



# Aku & Buku

**Editors:**  
Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali  
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai

2025



# Aku & Buku



**Editor:**

*Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali  
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai*

**Penerbit:**

*UiTM Cawangan Kedah*

e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

# Hak Cipta

Hak cipta@ adalah milik penulis/pemilik asal. Penyuntingan bahasa dan pembacaan pruf telah dijalankan oleh pasukan editorial dengan kebenaran penulis.

Segala pandangan, pendapat dan syor teknikal yang dikemukakan oleh penyumbang adalah tanggungjawab mereka sepenuhnya dan tidak semestinya mencerminkan pendirian editor, fakulti atau universiti.

Tiada bahagian dalam penerbitan ini yang boleh diterbitkan atau dipindahkan dalam apa jua bentuk atau cara, sama ada secara elektronik atau mekanikal, termasuk fotokopi, salinan semula atau sebarang sistem simpanan dan capaian, tanpa kebenaran bertulis daripada Rektor, UiTM Cawangan Kedah, 08400 Kedah.


**eISBN:** 978-967-2948-81-0

**Diterbitkan oleh:**

Universiti Teknologi MARA  
08400 Merbok, Kedah, Malaysia

**Editor:**

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali  
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai



# Kandungan

## Tajuk

## Muka Surat

### Kata Pengantar

### Kata Aluan

### Pendahuluan

1. Peneman Setia	1
2. Cinta Ekonometrik dan Cinta Residual	5
3. Inspirasi Dale Carnegie	8
4. Aku, Buah dan Buku	15
5. Dari Cerita Dongeng, Akhirnya Menggapai Impian	20
6. Aku di Alam Buku	24
7. Kisah Imam Syafie	27
8. Menyingkap Kegemilangan Umat Islam di Andalusia	33
9. Kisah Penaklukan Kota Konstantinople oleh Sultan Muhammad Al-Fateh	39
10. Bukuku adalah Teman Karibku	45
11. Korban Kasih	51
12. Buku, Penyelamatku	54
13. Aku, Abah dan Buku	58
14. Sebuah Buku Berwarna Coklat	62
15. TAMAR JALIS: Stephen King Malaya	65
16. Jasa Terindah	68
17. Ditandang Lagi	71
18. Anak Sulung	76
19. Inspirasi Membentuk Jatidiri	79
20. Dari Lemari Antik Moyang ke Troli e-Dagang	82
21. Menara Alam dan Kimia Manusia	86
22. Minat Membaca yang Hilang	91
23. Satu Jam Boleh Merubah Hidup	93
24. Pengembaraan Melalui Kuasa Petikan	96
25. Kāna yāmā kān	99
26. Aku, Buku dan Secangkir Kopi	102
27. Manisnya Senyumanmu	105
28. Anak-anakku & Buku	110
29. Buku Mendidik Aku	114
30. Sebuah Perjalanan Menemukan Diri	118
31. Menggenggam Bara	122
32. Diari Perjalanan Aku dan Buku	126
33. Kertas-kertas yang Harum	129
34. Pasti Ada Minatku	132
35. Aku, 'Buku Pink' dan Tesis: Kisah Kerinduan, Penantian dan Harapan	135
36. Kehidupan dalam Kata: Buku Guru Sebuah Kehidupan	140
37. Manga dan Aku	144
38. Dirimu Sentiasa Ada!	148
39. Sihat with Me	152
40. Aksaramu Inspirasiku	155
41. Kerana Sebuah Buku	159
42. Pahit Manis Pengalaman Bersama Buku	161
43. Ibrah Melalui Syukur	165
44. Kenangan Itu	168
45. Perjalanan Literasi: Dari Perpustakaan Sekolah Hingga ke Universiti	172
46. Buku "Tangan Kedua"	176
47. "달콤한 추억" di Bumi Korea	180
48. Pi Mai Pi Mai Bersua di PBAKL 2024	183
49. Baca Buku? Nerdlah Pulak!	186
50. Kekuatan di Sebalik Buku Pemberian Sahabat	190



# Kata Pengantar

Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah inisiatif murni oleh Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA Cawangan Kedah yang menghimpunkan karya penulisan kreatif oleh seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM) dari pelbagai fakulti dan jabatan. Kompilasi ini adalah manifestasi semangat cinta terhadap ilmu, bahasa, dan budaya, serta usaha berterusan untuk memupuk pemikiran kritis dan ungkapan kreatif di kalangan warga universiti.

Penulisan dan penerbitan merupakan antara medium utama dalam penyebaran ilmu, dan ia memainkan peranan penting dalam pembentukan masyarakat berilmu dan berbudaya. Namun di samping kesibukan menulis artikel ilmiah berimpak tinggi, projek Aku & Buku muncul bagi menawarkan peluang warga universiti untuk menulis buah fikiran dan pengalaman peribadi dalam bentuk santai namun sampai ke hati pembaca. Himpunan karya-karya kreatif ini bukan sahaja menyemarakkan lagi arena kesusasteraan tanah air, tetapi turut memberi peluang kepada para akademik untuk menyuarakan idea, pandangan, dan imaginasi mereka dalam bentuk yang segar dan bermakna.

Sebagai institusi pengajian tinggi yang sentiasa mendokong nilai keilmuan dan pengembangan minat dalam apa jua bentuk penulisan, UiTM berbangga dapat menyokong dan merealisasikan penerbitan buku ini. Semoga karya-karya yang terkandung dalam kompilasi ini menjadi sumber inspirasi dan rujukan berharga kepada pembaca dari pelbagai lapisan masyarakat.

Setinggi-tinggi penghargaan diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya serta pihak yang terlibat dalam menjayakan penerbitan ini.

Selamat membaca.

Ketua Editor,  
**Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali**  
**Noor 'Izzati Ahmad Shafiai**





# Kata Aluan



Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Ilahi kerana dengan izin-Nya, Projek Aku & Buku berjaya diterbitkan. Kompilasi ini merupakan manifestasi minat yang tinggi terhadap bahasa dan penulisan kreatif, yang lahir daripada ilham serta komitmen seluruh warga Universiti Teknologi MARA (UiTM).

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih diucapkan kepada semua penulis yang telah menyumbangkan karya, serta warga kerja yang terlibat dalam menjayakan projek ini. Usaha ini membuktikan bahawa institusi pengajian tinggi bukan sahaja menjadi medan penyebaran ilmu, malah turut menyemarakkan elemen budaya dan kreativiti dalam penulisan.

## **Unit Penerbitan**

Fathiyah Ahmad @ Ahmad Jali  
Noor 'Izzati Ahmad Shafiai  
Siti Mukhlisa Mohamad Khairul Adilah  
Nurfarisya Hafiz  
Berlian Nur Morat  
Nor Asni Syahriza Abu Hassan  
Syakirah Mohammed  
Hajjah Sharina Saad  
Mas Aida Abd Rahim  
Syazliyati Ibrahim  
Abdul Majeed Ahmad

## **Penyunting**

Berlian Nur Morat

## **Pereka Layout & Grafik**

Asrol Hasan

Semoga buku ini menjadi inspirasi kepada para pembaca dan terus menggalakkan penghasilan karya kreatif yang berkualiti pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



# Pendahuluan

Penulisan kreatif merupakan medium penting dalam menyampaikan nilai, emosi dan pemikiran masyarakat. Ia bukan sekadar hiburan, malah berperanan dalam mencorak budaya intelektual dan memperkaya khazanah ilmu. Projek Aku & Buku ini merupakan sebuah himpunan karya penulisan kreatif yang lahir daripada ilham dan bakat warga akademik, khususnya dari Akademi Pengajian Bahasa, Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Kedah, serta sumbangan penulis dari fakulti dan institusi lain.

Kompilasi ini menampilkan pelbagai genre dan gaya penulisan yang mencerminkan kepelbagaian latar belakang dan pengalaman para penulisnya. Usaha ini sejajar dengan aspirasi UiTM dalam menggalakkan budaya penulisan, penyelidikan, dan penerbitan sebagai tunjang penyebaran ilmu yang berterusan kepada masyarakat.

Menerbitkan karya kreatif dalam bentuk buku bukan sahaja membuka ruang kepada ekspresi diri, tetapi juga memperkukuh peranan institusi pengajian tinggi dalam memperkaya wacana sastera tempatan. Semoga buku ini dapat menjadi pencetus inspirasi, pemangkin idea, serta wadah untuk menyemai minat terhadap dunia penulisan dan pembacaan.



## *Perjalanan Literasi: Dari Perpustakaan Sekolah Hingga ke Universiti*

**Azman Che Mat**

Akademi Pengajian Bahasa, UiTM Kampus Dungun, Terengganu

Buku atau kitab. Kedua-duanya sinonim. Aku memang suka membaca. Membaca buku sebagai hobi itu mungkin. Tetapi membaca kerana tujuan-tujuan lain sebenarnya banyak. Tuntutan kerja dan juga tanggungjawab. Kisah aku dengan buku ini sebenarnya sudah cukup lama. Sejak aku mula pandai membaca, iaitu semasa di sekolah rendah lagi.

Secara khusus, semasa aku di dalam darjah lima dan enam, aku telah dipilih menjadi pengawas perpustakaan sekolah. Walaupun perpustakaan sekolah kami kecil dan hanya memuatkan beberapa buah buku sahaja, maksud aku dalam 5-6 rak sahaja. Itupun tidak penuh. Tambahan pula bukan semua buku boleh dipinjam dan dibawa pulang. Hanya sebahagian sahaja. Kemudian terpaksa menunggu giliran jika buku itu masih belum dipulangkan oleh peminjam.

Sebagai pengawas perpustakaan, aku perlu bertugas menjaga perpustakaan dan menjaga kaunter untuk pinjaman dan pemulangan buku. Dalam selang masa sebeginilah aku mengambil peluang membaca novel kanak-kanak. Pertama ialah novel oleh penulis tempatan seperti Nazel Hashim, Othman Puteh dan Azizi Abdulah. Novel mereka sesuai dengan jiwa kanak-kanak. Ada beberapa lagi novel yang aku lupa penulisnya. Oleh kerana peluang yang aku ada ini, banyak buku yang sempat baca.

Satu lagi buku novel yang menjadi fenomena ketika itu ialah siri penyiasatan lima sahabat dan dua beradik penyiasat perempuan. Novel ini adalah karya terjemahan. Novel ini telah menyesuaikan watak-watak dari teks asal kepada nama-nama tempatan mengikut bangsa seperti melayu, cina dan india. Novel siri penyiasatan ini sungguh diminati oleh murid-murid. Aku masih dapat membayangkan bagaimana setiap cerita penyiasatan itu mempengaruhi imaginasi aku seperti kewujudan bilik rahsia, pengalaman mengekori penjenayah dan melakukan penyamaran untuk mendapatkan maklumat.

Kadang-kadang ada perpustakaan bergerak yang datang ke sekolah. Aku akan mengambil peluang untuk meminjam buku-buku novel penyiasatan ini. Biasanya tajuk yang ada belum lagi tersedia di perpustakaan sekolah kami. Pendek kata, inilah peluang untuk aku mendapatkan novel yang istimewa. Cuma yang menyebabkan aku merasa jengkel ialah apabila tempoh pinjaman sudah tamat. Pernah juga aku terlewat menyerahkan kembali buku yang dipinjam dan akhirnya kena bayar denda. Aduhai!

Malangnya satu sahaja perkara yang aku tidak dapat lakukan. Aku tidak mampu membeli buku-buku yang aku minati. Maklum sahaja, aku bukan dari keluarga berada. Malah kami tinggal di ladang sawit yang memang tidak mempunyai kedai buku. Perpustakaan awam pun tidak ada. Tapi aku ada mencuri lihat bapa membaca kitab agama. Tapi dalam tulisan jawi. Memang tidak menarik minat langsung ketika itu.

Apabila aku bersekolah menengah, minat terhadap buku-buku penyiasatan mula pudar. Tetapi membaca novel masih menjadi kegemaranku. Ada buku-buku yang dibeli dan dipinjam oleh kakak, genre remaja. Aku meminjam dan membaca buku-buku cinta remaja. Tidak banyak yang menarik perhatian. Hanya ada sebuah novel itu yang benar-benar memberi kesan. Tetapi aku benar-benar lupa judulnya. Kisahnya begini.

Seorang pemuda yang berkelana dari desa ke bandar untuk mencari pekerjaan. Semasa dalam perjalanan itu, dia telah berjumpa dengan seorang gadis di dalam bas. Mereka berkenalan dan gadis itu bernama Han. Cerita ini adalah monolog oleh watak utama yang menggambarkan hubungan mereka sehinggalah mereka akhirnya terpaksa berpisah. Cinta terhalang kerana Han akhirnya hilang dalam hidup pencerita. Gubahan ayat dan cerita yang disampaikan itu menyebabkan aku membaca beberapa kali sehinggalah buku itu akhirnya hilang entah ke mana.

Semasa di sekolah menengah aku tidak punyai banyak masa untuk membaca novel. Aku perlu membiasakan diri dengan membaca kitab pula. Khasnya kitab jawi dan Arab. Aku mesti menguasai kitab-kitab ini untuk lulus peperiksaan. Banyak kitab-kitab yang aku hadap seperti Matan al-Ajrumiyyah, al-Nahw al-Wadih, al-Iqna', Ilmu al-Tawhid, Ilmu Mustalah Hadith, al-Balaghah al-Wadihah, manhal al-Hadith dan banyak lagi. Sehinggalah aku melangkah kaki ke universiti di timur tengah.

Oleh kerana aku menjurusi bidang bahasa Arab, maka banyak bahan bacaan aku ketika itu dalam bahasa Arab. Tidak perlu diceritakan lagi mengenai kitab-kitab yang menjadi teks wajib kursus. Akhirnya aku mengambil kursus kesusasteraan Arab moden yang membincangkan novel dan cerpen selain puisi. Aku mula mengenali Tawfiq al-Hakim dan Najib Mahfuz. Kedua-dua ini terkenal dengan novel atau disebut dalam bahasa Arab "al-Riwayah."

Aku membeli dan mula membaca novel-novel mereka. Di samping itu juga ada lagi novel-novel yang menjadi pilihan walaupun nama mereka tidak segha nama dua tokoh yang aku sebutkan tadi. Malah sehingga hari ini aku masih menyimpan karya ini seperti Ziqaq al-Madaq oleh Najib Mahfiz dan Usfur min al-Sharq oleh Tawfiq al-Hakim. Semasa berkuliah ini aku juga membaca antologi cerpen dan siaran cerpen daripada akhbar mingguan keluaran Jordan pada masa itu.

Ironinya, ketika ramai rakan-rakan yang membeli kitab-kitab besar seperti tafsir, hadith, Feqah dan seumpamanya, aku pula hanya membeli novel-novel dan antologi cerpen yang berharga murah. Malah ada antara rakan-rakan yang membeli berkotak-kotak kitab untuk dihantar pulang ke Malaysia, sedangkan aku, satu kotak kitab pun tidak penuh. Tapi novel-novel yang dibeli disimpan kemas sehinggalah aku mula menyambung pengajian di peringkat sarjana.

Ketika sedang maju dalam mengikuti kelas dan menulis disertasi, aku dikunjungi oleh seorang rakan. Beliau adalah lulusan universiti tempatan. Dalam perbualan kami suatu hari, beliau mengesyorkan aku membaca sebuah novel yang begitu popular suatu ketika dulu. Karya Hamka yang berjudul "Tenggelamnya Kapal Van der Wijck." Pada mulanya aku hanya mengiyakan setiap tutur kata beliau. Namun keesokannya, beliau datang dan meminjamkan aku naskah itu dengan sebuah lagi novel yang nipis, iaitu "Tuan Direktor."

Oleh kerana aku hanya bersendirian di bilik pada setiap malam (ketika itu aku menumpang bilik di rumah kedai seorang sahabat), aku mula membelek dan membaca karya Hamka tersebut. Sehelai demi sehelai aku mula membaca dan minat semakin menebal. Jalan ceritanya yang begitu mengasyikkan dan bahasa yang mudah difahami menyebabkan pada malam itu juga aku menghabiskan bacaanku. Sungguh! Inilah novel yang menyentuh rasa dan menikam kalbu. Kisah cinta antara dua darjat. Ya, sudah banyak cerita yang bertemakan dua darjat ini. Tetapi cara novel ini diolah dengan watak-watak yang diberikan menyebabkan aku

sebak teruk selepas membaca novel ini. Sampai hari ini aku masih belum lagi memutuskan untuk membeli novel ini, walaupun aku sudah mengulang baca buat kali kedua!.

Sejak mula terjebak dengan novel ini, aku terus menjejaki karya-karya Hamka seperti Di Bawah Lindungan Kaabah, Merantau ke Deli dan beberapa lagi. Kebetulan cetakan baru karya-karya beliau begitu banyak di pasaran termasuk karya ilmiah yang juga menjadi pilihanku. Pada aku, Hamka merupakan penulis dan juga pendakwah yang hebat dan tetap relevan sepanjang zaman. Cuma mungkin kerana beliau bukan dari semenanjung, maka karya sastera beliau kurang diangkat kecuali oleh para pengkaji dan peminat sastera yang percaya bahawa beliau adalah tokoh dari rumpun bangsa yang sama, hanya sempadan geografi dan politik yang memisahkan.

Ketika aku memulakan kerjaya sebagai ahli akademik, aku masih mencari masa untuk membaca novel atau cerpen. Ada sekali sekala aku membeli novel dan antologi cerpen yang aku rasakan menarik. Malah ketika aku sedang menyambung pengajian di peringkat doktor falsafah, bahan kajian aku juga melibatkan teks sastera. Bahan kajian aku itu adalah sebuah cerpen oleh penulis islamik moden, iaitu Najib al-Kaylani. Tajuk cerpen yang menjadi pilihan ialah “al-Dhahiyah” yang bermaksud ‘Mangsa.’ Cerpen ini mengisahkan kehidupan seorang doktor yang dihantar ke sebuah desa yang komunitinya masih berpegang teguh dengan tradisi lama. Banyak pantang larang dan taboo. Dalam satu kejadian, beliau telah dijemput untuk mengesahkan kematian seorang gadis oleh keluarganya. Di situ timbulah konflik antara etika kerja dan tradisi komuniti di tempat beliau bertugas. Keluarga mangsa mendesak beliau agar melaporkan kematian itu sebagai kes bunuh diri, sedangkan berdasarkan pemeriksaannya, mangsa telah dibunuh.

Oleh kerana bimbang akan keselamatannya, doktor itu telah bergegas pulang ke kota dan melaporkan kejadian sebenar kepada pihak berkuasa. Walaupun kes itu telah diselesaikan mengikut lunas undang-undang, namun doktor itu masing terbayang-bayang akan gadis yang menjadi mangsa keluarganya sendiri kerana mahu berkahwin dengan seorang lelaki yang bukan daripada kalangan sukunya sendiri. Cerita ini menggambarkan situasi yang masih wujud di sesetengah tempat di timur tengah.


Ketika aku tenggelam dalam dunia penulisan tesis kedoktoran itu, aku telah berkenalan dengan seorang penulis yang begitu luar biasa. Beliau adalah pensyarah dan telah memohon bersara awal sebelum bertugas di sebuah universiti di Arab Saudi. Buku beliau yang pertama aku beli ialah berkenaan pengalaman beliau melakukan kajian PhD dengan judul “PhD Kecil tapi Signifikan”. Cara beliau menulis sungguh memikat hati pembaca. Aku mula tertarik dengan penulisan beliau.

Pada tahun 2007 “Travelog Haji: Mengubah Sempadan Iman” oleh beliau telah mencetuskan fenomena kepada seluruh rakyat Malaysia. Aku adalah antara pembeli yang mendapatkan naskhah cetakan pertama ini. Sebaik sahaja menerima naskah ini aku membaca karya ini setiap malam sehingga penghujungnya dengan rasa sayu dan syahdu sekali. Sungguh menginsafkan. Sehingga aku bertemu dengan beliau dan mendapatkan tanda tangan untuk buku itu. Satu ketika aku pernah menghantar mesej kepada beliau: ‘Prof. adalah Hamka Malaysia.’ Namun beliau tidak menunjukkan beliau bersetuju dengan jolokan itu. Namun karya-karya beliau yang seterusnya aku ikuti dan menjadikan koleksi utama dalam perpustakaan kecil di rumah.

Minat membaca karya kreatif seperti novel dan cerpen terus mekar. Aku juga mula membaca biografi, autografi dan memoir tokoh-tokoh terkenal tanah air. Autografi al-Marhum Prof. Emeritus Mahmud Zuhdi Abdul Majid telah aku baca 2 tahun lepas, iaitu sebelum beliau meninggal dunia. Ada empat siri “Mencari Identiti” yang telah aku baca. Budak Surau, Budak Nilam Puri, Bertandang ke Bumi Firaun dan Perjuangan Tanpa noktah. Penulisan beliau bagi


aku sungguh menarik walaupun beliau tidak dikenali sebagai seorang penulis kreatif. Banyak karya beliau berbentuk ilmiah dan beliau terkenal dengan Fiqh Malaysia. Namun aku terkilau kerana belum lagi pasti adakah karya beliau berkenaan pengalaman politik tidak sempat diterbitkan. Hal ini telah beliau sebutkan dalam siri ke-empat. Aku berdoa agar karya itu dapat diterbitkan oleh warisnya nanti.

Seperti yang aku ceritakan tadi, aku tidak banyak membeli buku atau kitab semasa belajar di peringkat ijazah pertama. Hal itu disebabkan hambatan kewangan. Sekarang aku mempunyai kemudahan untuk membina koleksi buku yang aku idamkan. Boleh dikatakan setiap tahun ada sahaja buku-buku yang aku beli mengikut keperluan dan minat aku. Namun minat aku untuk membaca karya kreatif atau separa kreatif tetap menjadi pilihan. Ketika tulisan ini ditulis ada beberapa buah buku yang sedang aku baca, iaitu “Pelarianku menuju Kebebasan” (bahasa Arab), “Bohong” (Hamka) dan Etika dan Moraliti.



# Aku & Buku

2025



e ISBN 978-967-2948-81-0



9 789672 948810

